

Kenyataan rasmi tak pernah guna bahasa lain: Rais

Rais: Ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tan Sri Dr Rais Yatim menganggap tindakan Menteri Kewangan Lim Guan Eng memperluaskan kenyataan rasmi kerajaan dalam bahasa Mandarin adalah tidak wajar.

Beliau berkata, selama 40 tahun berada di dalam dan luar kerajaan, tidak pernah dia bahasa lain digunakan sebagai kenyataan rasmi dan kerajaan, selain bahasa Melayu.

"Bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu sudah cukup dan saya mohon supaya edaran dalam bahasa Mandarin tidak dilaksanakan. Saya lebih anggap ini sesuatu yang mungkin tidak berlaku atau sengaja dilakukan oleh pihak tertentu.

Hormati Perlembagaan

"Oleh itu, dengan saya mohon jika benar berlaku edaran dalam bahasa Mandarin, janganlah diterus-

kan dan kita rasmikan dengan hormat kehendak Perlembagaan, iaitu bahasa kebangsaan dalam bahasa Melayu, begitu juga dengan edarannya," katanya.

Beliau ditemui pada majlis forum Pasca-PRU14: Mendepani Cabaran Melestari Institusi Beraja di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Terdahulu berbicara mengenai topik pada forum itu, Rais berkata, tidak perlu ada kerisauan menge-

nai kedudukan institusi beraja kerana Raja-Raja Melayu dengan kuasanya tetap ada dan unggul.

"Di bawah Perlembagaan sudah cukup divisi dan harakatnya, tinggal lagi tidak dioperasi dengan berhemah. Jika eksekutif itu kuat, pihak diraja akan mendapat kebaikan sekiranya kehakiman menjadikan tugas dengan aman, tenteram dan adil raja akan mendapat habuan nama yang baik.

"Selain itu, Raja-Raja Melayu sen-

diri harus ada sikap turun padang dan rajin mendekati diri dengan rakyat," katanya.

Dalam pada itu, mengulas berita mengenai kemungkinan beliau bakal dilantik sebagai speaker Dewan Rakyat, Rais berkata, setakat ini pihaknya belum dihubungi secara rasmi.

"Baru hari ini saya mendengar perkara ini. Insya-Allah saya tidak menolak sekiranya ditawarkan dengan jawatan itu," katanya.